



## Pembelajaran Abad ke-21 dalam Al-Quran: Satu Manual Pendidikan Istimewa daripada Allah

Wan Mariana Wan Mohamad<sup>1</sup>, Kamarul Shukri Mat Teh<sup>2</sup>  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

### Article Info

**Received:**

21 August 2019

**Accepted:**

19 September 2019

**Publish**

16 Sept 2019

**E-mail address:**

\*corresponding Author :  
\*wmariana1976@gmail.com  
kamarul@unisza.edu.my

e-ISSN 2682-759

### Abstrak

Pembelajaran abad ke-21 (PAK21) merupakan satu agenda transformasi terpenting pendidikan negara melalui pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang telah dilaksanakan secara rasminya di semua sekolah mulai tahun 2014. Perubahan pendekatan pembelajaran yang berpusatkan murid ini mula diaplikasikan di semua institusi pendidikan di Malaysia adalah bertujuan untuk memacu pendidikan negara ke arah pendidikan yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa. Rentetan daripada itu, walaupun istilah pembelajaran abad ke-21 ini telah diperkenalkan oleh para sarjana pendidikan Barat sejak lebih daripada empat dekad yang lalu, namun pada hakikatnya metode pembelajaran abad ke-21 ini telah lama diutarakan oleh Allah S.W.T menerusi kitab al-Quran 1440 tahun yang lampau. Justeru, artikel ini akan cuba mengetengahkan satu penelitian khusus berkaitan pembelajaran abad ke-21 yang telah dikemukakan oleh Allah S.W.T menerusi kitab suci-Nya dalam usaha mencorakkan sistem Pendidikan Islam di Malaysia untuk dijadikan panduan dalam pelaksanaannya menurut konteks kehidupan masyarakat kini. Melalui analisis kepustakaan yang disertakan dengan bukti yang berasaskan keterangan ayat-ayat Al-Quran ini, diharap akan dapat membuka minda dan menambahkan lagi keyakinan seseorang terhadap kehebatan Allah S.W.T sebagai pengatur program pendidikan yang bersifat rabbani untuk dijadikan pedoman dalam menangani pelbagai isu pendidikan di alaf ini. Dapatan daripada sorotan ini, empat aspek kemahiran pembelajaran abad ke-21 akan dibincangkan iaitu kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis, kemahiran berkomunikasi, kemahiran berkolaborasi serta kemahiran nilai dan etika. Justeru, artikel ini akan mengupas lebih lanjut tentang kehebatan Al-Quran sebagai model pembelajaran abad ke-21 yang istimewa untuk dijadikan manual pendidikan sepanjang zaman.

Keyword: Pembelajaran abad ke-21, Komunikasi, Kolaboratif, Kreatif dan Kritis, Nilai dan Etika

## Pendahuluan

Islam menitikberatkan pendidikan yang syumul demi melahirkan umat terbaik untuk manusia sehingga digelar sebagai *khair ummah* menerusi penurunan ayat pertama al-Quran iaitu:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾

Maksudnya : Bacalah dengan menyebut nama (Tuhan mu) yang menciptakan.  
(*al-A'laq*, 96:1)

Ayat al-Quran ini jelas memaparkan ketinggian konsep keilmuan yang berasaskan acuan ketauhidan kepada Allah SWT sebagai medan pendidikan yang sebenar di dalam Islam. Jika disingkap tabir sejarah Islam, terbukti rekod kecemerlangan dan kemajuan yang dicapai oleh kaum Muslimin adalah terbina daripada kekuatan mukjizat ilmu-ilmu yang bersumberkan kitab suci al-Quran. Sememangnya al-Quran berperanan sebagai pembuka babak baharu dalam sejarah kehidupan manusia apabila perutusan Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W didatangkan bersama kitab al-Quran yang telah berjaya melakukan anjakan dari gelita kejahilan kepada cahaya pengetahuan untuk membentuk sistem pendidikan, ilmu, pemikiran, falsafah dan kehidupan manusia secara teratur. Oleh demikian, tepat sekali apabila dinamakan al-Quran itu sebagai al-Furqan yang secara *harfi* bererti pembeza, iaitu pembeza dua zaman iaitu zaman kuno era jahiliah dan zaman baharu era Islam.

Dalam realiti sejarah keilmuan Islam, hasil pendidikan manusia telah menjadi pencetus kepada kehebatan generasi silam bermula di zaman Rasulullah SAW dan para sahabat yang seterusnya telah berjaya melahirkan para ilmuwan Islam yang terkemuka seperti Ibn Sina, Ibn Rusyd, al-Kindi, al-Khawarizmi dan sebagainya. Ternyata fenomena ini terhasil daripada terkesannya golongan cendekiawan Islam ini dengan ayat al-Quran, iaitu ayat 269 daripada Surah al-Baqarah iaitu:

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا ۗ

Maksudnya : Barang siapa yang dikurniakan hikmah (ilmu dan kefahaman mendalam) sesungguhnya ia telah dikurniakan kebaikan yang banyak.  
(*al-Baqarah*, 2: 269)

Ayat al-Quran inilah yang telah bertindak sebagai penyuntik semangat mereka untuk terus mendapatkan ilmu sebagai mekanisme pendidikan demi memperoleh kebaikan yang banyak sama ada kebaikan di dunia mahupun di akhirat.

Oleh yang demikian, dalam usaha untuk menjadikan kehidupan seseorang itu terdidik dengan pendidikan berkesan dan memiliki cara hidup yang berlandaskan ajaran Islam yang sebenar, maka ilmu yang disampaikan mestilah mengikut kaedah yang betul dan berkesan agar para pelajar memahami dan menghayati isi kandungan ilmu yang disampaikan (Najwa, Azman & Hamzah, 2017). Bahkan guru sebagai pendidik sewajarnya berperanan sebagai guru yang berkesan iaitu guru yang memiliki ketinggian ilmu, kekuatan personaliti dan keberkesanan komunikasi agar dapat memberikan kesan kepada para pelajarnya dan seterusnya mampu membawa perubahan tingkah laku kepada pelajar tersebut (Habibah, Zaharah & Saedah, 2016; Khairul Anuar, 2012; Nur Hanani & Ab. Halim, 2017). Bagi menjayakan misi pendidikan ini, golongan ini perlu menjadikan al-Quran dan al-Hadis sebagai sumber rujukan primer umat Islam dalam mengembalikan keunggulan sistem pendidikan Islam zaman silam. Implikasinya, akan lahir generasi anak didik yang berkualiti pencorak kecemerlangan umat Islam sejagat.

## Sorotan Literatur

Sejarah pengistilahan PAK21 ini sebenarnya telah dipelopori oleh sarjana Barat iaitu Malcolm Shepherd Knowles lebih dari empat dekad yang lalu iaitu pada tahun 1975. Beliau telah mendefinisikan PAK21 sebagai satu proses bagi individu mengambil inisiatif, dengan atau tanpa bantuan daripada orang lain dalam mengenal pasti keperluan pembelajaran mereka seperti merumuskan matlamat, mengenal pasti sumber, memilih dan melaksanakan strategi pembelajaran yang sesuai dan menilai hasil pembelajaran mereka sendiri (Knowles, 1975). Takrifan ini telah dinukilkannya di dalam buku beliau yang berjudul *Self-Directed Learning: A Guide For Learners and Teachers*. Walau bagaimanapun istilah PAK21 ini telah diubahsuai oleh para sarjana pendidikan Barat apabila kehendak dan keperluan pendidikan telah berubah mengikut peredaran zaman yang berlaku terutama apabila setelah menjelangnya abad ke-21 yang sebenar iaitu bermula pada tahun 2000.

Antara beberapa definisi PAK21 lain yang telah diberikan oleh para pengkaji ialah:

- a) Merupakan pembelajaran untuk belajar sebagai tanda usaha reformasi penerapan pembelajaran dan pengalaman pembelajaran lain, termasuk perkhidmatan dan pembelajaran di tempat kerja (Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)), 2010).
- b) Pemikiran kritikal dan kreatif, serta kemahiran digital dan teknologi, kemahiran komunikasi, dan keupayaan untuk memperoleh dan mengaplikasikan pengetahuan kepada masalah dan konteks kehidupan sebenar (Marope, 2014).
- c) Pembelajaran yang bertujuan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran berkomunikasi, kemahiran kolaboratif, kemahiran pemikiran kreatif dan kemahiran pemikiran kritis (Partnership For 21st Century Skills, 2016; Van Roekel, 2014).
- d) Pembelajaran kolaboratif, penggunaan ICT sebagai alat untuk pembinaan pengetahuan dan pembinaan bersama, pemikiran kritikal dan kreatif serta penyelesaian masalah yang sebenar (Chai & Kong, 2017)

Secara umumnya, definisi PAK21 yang telah dikemukakan oleh Knowles (1975) pada peringkat awal adalah dalam bentuk yang umum kerana ia berfokus kepada pembelajaran terarah sendiri yang disesuaikan dengan keperluan pembelajaran masing-masing. Manakala definisi yang dikemukakan oleh OECD (2010), Marope (2014), Partnership For 21st Century Skills (2016), Van Roekel (2014) dan Chai & Kong (2017) lebih berfokus kepada keperluan pembelajaran sebagai memenuhi kehendak diri, masyarakat dan negara untuk kelangsungan hidup di era kebangkitan teknologi dan revolusi digital demi kelangsungan kehidupan kini.

Dalam konteks PAK21 dalam sistem pendidikan di Malaysia pula, pihak KPM (2017) telah mendefinisikan PAK21 sebagai satu proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika yang terangkum pada singkatan 4K1N, iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran kolaboratif, kemahiran pemikiran kreatif dan kemahiran pemikiran kritis serta kemahiran nilai dan etika. Elemen nilai dan etika dalam PAK21 telah dijadikan sebagai nilai tambah dalam kurikulum di Malaysia. Langkah ini telah diambil demi memastikan para pelajar yang terdidik dengan sistem pendidikan di Malaysia dapat bersaing di peringkat global serta dibentuk jati diri nasional mereka dengan nilai-nilai murni mengikut acuan Malaysia menerusi Falsafah Pendidikan Negara. Oleh kerana itulah, telah berlaku perubahan kurikulum secara besar-besaran di Malaysia merangkumi semua mata pelajaran termasuk mata pelajaran Pendidikan Islam agar ia dapat bersaing dengan

negara maju yang lain melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2017.

Usaha kerajaan ini dilihat sebagai persediaan ke arah melahirkan tenaga kerja abad 21 yang kreatif, inovatif, dapat mengaplikasikan teknologi maklumat terkini dan menjadi tenaga kerja aktif penyumbang kepada produktiviti negara setelah melalui sistem pembelajaran di sekolah yang menekankan kepada kemahiran abad 21. Bagi mencapai aspirasi pendidikan negara tersebut, keberhasilan guru menjadi salah satu anjakan transformasi terkini apabila peranan guru telah dilihat sebagai *'invited professors'* di dalam kelas untuk menyokong pembelajaran murid, sebagai *'learning coaches'* untuk memberi bimbingan kepada pelajar membangunkan kemahiran mereka, sebagai *'facilitators and enablers of learning'* untuk menggalakkan kekreatifan pelajar memainkan peranan aktif dalam pembelajaran mereka dan sebagai *'dispensers of information and knowledge'* untuk memandu pelajar menapis maklumat benar yang diperoleh semasa proses pembelajaran (Scott, 2015).

Justeru, dijangkakan akan apabila lahirnya generasi pelajar yang telah dididik berasaskan PAK21 ini, mereka akan dapat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menurut acuan yang tersendiri.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan. Sorotan literatur dilakukan terhadap bahan-bahan akademik berkaitan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dan juga analisis kandungan terhadap ayat-ayat al-Quran yang menjadi tema PAK21 di Malaysia iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran kolaborasi, kemahiran berfikir dan kemahiran nilai dan etika.

## Pendidikan Abad ke-21 Dalam al-Quran

Pada hakikatnya Islam terlebih dahulu menggariskan pelbagai kemahiran abad ke-21 ini menerusi kitab suci Al-Quran yang telah dibicarakan oleh Allah SWT kepada pendidik terulung dunia iaitu Nabi Muhammad SAW untuk dicontohi oleh seluruh warga pendidik di dunia. Oleh kerana itulah al-Quran disifatkan oleh Syeikh Muhammad al-Ghazali (1998) sebagai sebuah kitab pencorak jiwa, pembangun bangsa dan pencipta peradaban tinggi serta penyingkap tabir kegelapan apabila Allah menurunkan al-Quran sebagai cahaya seperti dalam firman-Nya yang bermaksud:

Sesungguhnya telah datang kepada mu cahaya dari Allah dan kitab yang menerangkan. Dengan kitab itulah Allah menunjuki orang-orang yang mengikuti jalan-Nya ke jalan keselamatan.

(*al-Maidah*, 5: 15-16)

Begitu juga halnya, apabila dibicarakan berkaitan pembelajaran di abad ke-21 ini, semua elemen pembelajaran yang bertujuan untuk pendidikan manusia telah disenaraikan oleh Allah S.W.T dengan sebaiknya di dalam al-Quran. Bermula dengan teori ketauhidan kepada Allah S.W.T dalam pembelajaran sehinggalah kepada kurikulum, penggerak kurikulum, iaitu guru dan pelajar serta strategi dan metode pelaksanaan kurikulum dan sebagainya. Namun dalam memenuhi ruang lingkup perbincangan PAK21 di Malaysia, empat aspek utama yang menjayakan PAK21 akan dihuraikan iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran kolaborasi, kemahiran berfikir secara

kritis dan kreatif serta kemahiran nilai dan etika yang telah diutarakan oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran.

### Kemahiran Komunikasi

Istilah komunikasi berasal daripada perkataan Yunani iaitu *communicare* yang bererti menjadikan sesuatu milik bersama. Seseorang yang berkomunikasi iaitu yang menyampaikan mesej kepada pendengar cuba menjadikan milik bersama perkara-perkara seperti maklumat, pengetahuan, kemahiran, sikap dan kepercayaan bagi berkongsi perkara tersebut dengan orang lain. Didapati Muslim di kota-kota besar Malaysia menggunakan lebih daripada 50 peratus masa jaga mereka untuk berkomunikasi seperti bercakap, mendengar, menonton, membaca, menulis dan berdoa (Saodah, Narimah, & Mohd Yusof, 2005). Walau bagaimanapun di negara-negara Barat, bidang komunikasi ini mula dikenali sebagai bidang pengajian yang penting pada abad ke-20 apabila berlakunya perkembangan pesat teknologi komunikasi, perindustrian dan politik dunia.

Namun, perbincangan berkaitan komunikasi dalam Islam telah lama wujud setelah kedatangan Al-Quran sebagai sumber pendidikan utama umat Islam. Kitab suci ini telah mengemukakan beberapa contoh praktikal bagaimana Allah selalu berkomunikasi dengan hamba-Nya melalui wahyu. Komunikasi dalam al-Quran ini mempunyai nilai yang sangat tinggi dan penting kerana padanya terdapat unsur dakwah yang bersifat rabbani kepada seluruh umat manusia. Walaupun secara saintifiknya dikatakan al-Quran tidak membicarakan masalah komunikasi, namun menurut para mufasir apabila diketemukan ucapan yang baik iaitu *qaulan ma'rufa* (*al-Baqarah*, 2: 59; 235; *al-Nisa'*, 4: 5, 8; *al-Ahzab*, 33: 32), ucapan yang benar iaitu *qaulan sadida* (*al-Nisa'*, 4: 9; *al-Ahzab*, 33:70) ucapan yang mulia iaitu *qaulan kariman* (*al-Israk*, 17: 23), ucapan yang lemah lembut iaitu *qaulan maisuran* (*al-Israk*, 17: 28), ucapan yang lunak iaitu *qaulan layyinan* (*Taha*, 20:44) ayat-ayat ini telah memberi gambaran umum tentang pola komunikasi yang telah diterapkan di dalam al-Quran (Irpan, 2011). Melalui pola komunikasi ini, baginda Rasulullah SAW diamanahkan untuk mendidik umat manusia dengan cara diberi manual komunikasi berkesan, iaitu al-Quran melalui gaya bahasa yang berhemah mengikut suasana persekitaran yang ada. Firman Allah SWT:

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ... ﴿٥٣﴾

Maksudnya:

Dan katakanlah (Wahai Muhammad) kepada hamba-hamba ku yang beriman supaya mereka berkata dengan kata-kata yang baik. (*al-Isra'*, 17: 53)

Begitu juga dipaparkan di dalam al-Quran, seawal penciptaan manusia pertama di dunia iaitu penciptaan Nabi Adam A.S, kemahiran komunikasi antara pendidik terulung dan anak murid telah wujud iaitu antara Allah S.W.T dengan Nabi Adam A.S. Kisah ini memaparkan bagaimana Allah mendedahkan kepada Nabi Adam pengalaman pembelajaran untuk meneruskan kelangsungan hidup di muka bumi setelah diturunkan ke dunia menerusi firman-Nya:

إِنَّ لَكَ أَلَّا تَجُوعَ فِيهَا وَلَا تَعْرَىٰ ﴿١١٨﴾ وَأَنَّكَ لَا تَظْمَأُ فِيهَا وَلَا تَصْحَىٰ ﴿١١٩﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya telah dikurniakan berbagai nikmat bagi mu, bahawa engkau tidak akan lapar dalam syurga itu dan tidak akan bertelanjang. Dan sesungguhnya engkau juga tidak akan dahaga dalam syurga itu dan tidak akan merasa panas matahari.

Apabila direnung dengan teliti, menerusi ayat ini Allah S.W.T telah menyenaraikan tiga perkara utama yang menunjangi dasar pendidikan jasmani setiap manusia sebelum diberikan pendidikan rohani ke arah kesempurnaan pembelajaran manusia untuk menjadi khalifah sebaiknya sebagai pengurus bumi. Perkara utama ini ialah makanan dan minuman, pakaian dan tempat tinggal yang merupakan keperluan fisiologi manusia bagi meneruskan kehidupan. Ketika Allah S.W.T berinteraksi dengan Nabi Adam A.S, Allah S.W.T telah memberi amaran kepada baginda supaya tidak terpedaya dengan hasutan iblis yang akan menjadi penyebab baginda diturunkan ke dunia.

Natijah daripada peristiwa tersebut, Allah telah mengajarkan baginda dan keturunan baginda untuk mencari dan menikmati rezeki di muka bumi dengan menjadikan bumi ini subur (*al-Mulk*, 67: 15) dan juga menyediakan pelbagai kesenangan di dalamnya seperti hujan, tumbuh-tumbuhan dan binatang ternakan (*Taha*, 20: 53-54), menjadikan tanam-tanaman yang menjalar, pohon kurma, tanaman yang beraneka rasanya, zaitun dan delima yang pelbagai bentuk, warna dan rasanya (*al-An'am*, 6: 141). Bahkan Allah SWT turut memberi panduan cara pemakanan tersebut iaitu dengan cara memakan makanan yang halal lagi baik (*al-Baqarah*, 2: 168; *al-A'raaf*, 7: 60) dan tidak membazir (*al-A'raaf*, 7: 31). Allah juga turut menjelaskan kepada manusia disediakan pakaian untuk manusia bagi menutupi aurat mereka (*al-A'raaf*, 7: 26) untuk melindungi dari kepanasan dan menyelamatkan tubuh badan mereka (*al-Nahl*, 16: 81) serta diciptakan bahan perhiasan yang boleh dipakai oleh manusia dari dalam lautan (*al-Nahl*, 16: 81; *Fathir*, 35: 12). Malah Allah menjadikan rumah sebagai tempat tinggal manusia dan dijadikan kulit-kulit binatang ternakan sebagai bahan untuk membuat tempat tinggal (khemah) (*al-Nahl*, 16: 80).

Antara contoh uslub komunikasi lain yang telah digunakan oleh Allah SWT untuk mendidik Nabi Muhammad SAW pula ialah bercerita pelbagai kisah umat yang terdahulu menerusi firman-Nya:

كَذَلِكَ نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ مَا قَدْ سَبَقَ وَقَدْ آتَيْنَاكَ مِنْ لَدُنَّا ذِكْرًا ﴿٩٩﴾

Maksudnya:

Demikianlah Kami ceritakan kepada mu (wahai Muhammad), sebahagian daripada kisah-kisah umat manusia yang telah lalu dan sesungguhnya Kami telah memberikan kepada mu, dari sisi Kami (sebuah Kitab al-Quran yang menjadi) peringatan. (*Taha*, 20: 99)

Sebagai contoh dalam lipatan sejarah para sahabat yang telah mendapat didikan awal tauhid daripada Rasulullah S.A.W, ialah seorang sahabat yang hebat iaitu Saad bin Abi Waqqas telah dipuji oleh Allah S.W.T apabila beliau telah menolak segala rayuan ibunya supaya meninggalkan Islam (Imam Jalaluddin As-Sayuthi, 2008). Kisah tragis ini memaparkan komunikasi seorang ibu dan anak yang cecal menghadapi ujian keimanan apabila si ibunya berkata:

Aku tidak akan makan dan minum kecuali setelah engkau tinggalkan ajaran Muhammad itu. Lebih baik aku mati daripada melihat engkau menjadi pengikut Muhammad. Ingatlah seandainya aku mati kerana perbuatan mu ini, nescaya orang akan tetap akan mengatakan engkau adalah pembunuh kepada ibu mu sendiri.

Lalu dibalas oleh si anak:

Jika ibu mempunyai 100 nyawa sekalipun dan saya lihat nyawa-nyawa itu tercabut satu demi satu kerana perbuatan saya, namun saya tetap tidak akan meninggalkan agama saya.

Ternyata, sikap teguh Saad yang enggan menukar iman dengan nyawa ibunya telah mendapat kepujian di sisi Allah dengan menurunkan ayat al-Quran sebagai panduan, iaitu:

Maksudnya:

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya dan jika mereka berdua mendesak mu supaya engkau mempersekutukan Aku (dalam ibadat mu) dengan sesuatu yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, maka janganlah engkau taat kepada mereka. Kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, kemudian Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.

(al-Ankabut, 29: 8)

Ternyata dengan kemahiran komunikasi inilah Rasulullah S.A.W telah berjaya mendidik para sahabat dan golongan terawal memeluk Islam sehingga lahirnya generasi rabbani yang hebat. Hal demikian ini telah membuktikan bahawa komunikasi efektif dapat memberi impak yang positif kepada masyarakat di sekeliling (Ellison, 2015). Selepas baginda SAW wafat, agenda pendidikan ini diteruskan oleh generasi para sahabat baginda seperti Sayidina Umar al-Khattab yang turut memberi panduan dalam aspek komunikasi sebagaimana dalam ucapan beliau:

Berkomunikasilah dengan manusia menurut kadar kemampuan akalanya (pemikirannya).

Hal ini membuktikan bahawa prinsip pendidikan ini memandu para guru untuk berkomunikasi dengan anak-anak didik mereka berdasarkan kecerdasan fikiran murid sesuai dengan umur semasa mereka.

Antara teknik untuk menjayakan aspek komunikasi guru dan murid serta murid sesama murid ialah metode bulatan (*halakah*), iaitu guru dilingkungi oleh anak-anak muridnya yang membentuk bulatan dalam proses menuntut ilmu sebagai mana yang dipraktikkan oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat dalam tradisi keilmuan Islam. Terbukti metode ini sangat berkesan untuk proses pembelajaran kerana dalam bentuk bulatan ini, murid-murid dan guru saling berhadapan. Hal demikian ini, memudahkan berlakunya interaksi dua hala, perbincangan dan perdebatan dalam kalangan mereka. Kajian-kajian psikologi telah membuktikan bahawa cara ini dapat menggalakkan proses pembelajaran kerana setiap individu akan melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan dengan merasai penyamaan taraf antara mereka di atas keterbukaan peluang untuk berkomunikasi (Hassan Langgulung, 1986).

Oleh kerana itulah dalam mesyuarat-mesyuarat antarabangsa seperti Majlis Keselamatan PBB dan Konferensi Perdamaian Arab-Israel dan sebagainya mengambil pendekatan persidangan meja bulat (*Round Table Conference*) untuk memberi kesaksamaan peluang kepada setiap individu dalam memberikan pandangan masing-masing terhadap isu yang dibincangkan. Inilah juga antara bentuk aktiviti yang menyumbang kepada pembelajaran abad ke-21 seperti yang telah diamalkan di sekolah-sekolah.

## **Kemahiran Kolaborasi**

Kolaborasi berasal daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu *collaborate* yang bererti bekerjasama. Dalam bahasa Arab perkataan ini boleh diterjemahkan sebagai التعاون, seperti yang telah disebut oleh Allah SWT dalam Al-Quran menerusi firman-Nya:

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ...

Maksudnya:

...Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan...

(*al-Maidah*, 5: 2)

Merujuk kepada ayat di atas, konsep kolaborasi dalam Islam adalah *ta'awun*. Ia terbahagi kepada dua bahagian utama, iaitu *ta'awun* dalam perkara kebaikan dan takwa; serta *ta'awun* dalam perkara dosa dan permusuhan. Allah S.W.T telah menggariskan bahawa tolong-menolong ataupun kolaborasi ini perlu pada perkara kebaikan, manakala larangan tolong-menolong dan kolaborasi pada perkara kemungkarannya. Ayat ini telah diturunkan oleh Allah S.W.T kepada orang-orang yang beriman di zaman Rasulullah S.A.W sebagai perintah larangan berperang di bulan haram iaitu Zulhijah ketika datangnya kafilah yang penuh dengan barang dagangan menuju ke Makah. Kafilah ini diketuai oleh al-Hathmu bin Hindun al-Bakri yang telah datang mengadap Rasulullah S.A.W untuk memeluk Islam sebelum itu. Walau bagaimana pun beliau telah murtad sebelum datang semula ke Makah membawa barang dagangan tersebut. Hal ini menyebabkan Rasulullah S.A.W telah menyifatkannya sebagai seorang pemuka penjahat menerusi sabda baginda yang bermaksud: Dia masuk ke sini dengan muka penjahat dan pulang dengan punggung pengkhianat (Imam Jalaluddin As-Sayuthi, 2008). Peristiwa ini telah menggambarkan larangan Allah serta penegasan Rasulullah S.A.W dalam melakukan perkara-perkara buruk yang menyumbang kepada kemurkaan-Nya.

Walaupun bagaimanapun konsep kolaborasi yang dibincangkan di sini adalah kolaborasi dalam pembelajaran adalah dikira sebagai *ta'awun* dalam perkara kebaikan kerana tujuannya adalah untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Oleh kerana itu, selain arahan untuk berkolaborasi di dalam ayat di atas, Allah S.W.T juga telah mengemukakan contoh dalam bentuk penceritaan berkaitan kepentingan berkolaborasi dalam menjayakan sesuatu perkara. Sebagai contoh, apabila disoroti kisah Nabi Musa dan Nabi Harun di dalam al-Quran, didapati mereka berdua juga telah mempraktikkan kemahiran kolaborasi bagi menjayakan misi dakwah mereka agar masyarakat ketika itu beriman kepada Allah (*Taha*, 20:42-47). Bahkan juga diutarakan kisah Zulkarnain, seorang raja yang beriman kepada Allah S.W.T telah meminta bantuan rakyatnya untuk membina tembok besi yang kukuh bagi menyelamatkan mereka daripada kekejaman Yakjuk dan Makjuj. Mereka telah berkolaborasi dengan menyediakan alat-alatan dan tenaga kerja untuk membina tembok tersebut dengan cara menunjukkan ilmu secara praktikal berkaitan pertukangan besi (*al-Kahfi*, 20:92-98). Oleh sebab itulah, kemahiran kolaborasi ini menyumbang kepada sesuatu kejayaan melalui amalan berjemaah di samping dapat mengukuhkan ikatan hubungan silaturrahim sesama Muslim.

### **Kemahiran Berfikir**

Kemahiran berfikir merupakan kemahiran penggunaan akal untuk mendapat ilmu pengetahuan. Islam telah menganjurkan manusia supaya sentiasa berfikir dengan memberikan penghargaan yang tinggi kepada para pemikir. Beberapa perkataan di dalam al-Quran yang merujuk kepada proses berfikir adalah seperti *nadara* (*Qaf*, 50: 6-7; *al-Tariq*, 86:5-7; *al-Ghasiyah*, 88: 17),



*tadabbara* (*Sad*, 38: 29; *Muhammad*, 47:24) *tafakkara* (*al-Nahl*, 16:68-69; *al-Jathiah*, 45: 12-13; *faqih* (*al-Isra'*, 17:44; *al-An'am*, 16:97-98; *al-Taubah*, 9:122), *tazakkara* (*al-Nahl*, 16:17; *al-Zumar*, 39: 9 dan 27; *al-Zariyat*, 51: 47-49) dan *fahima* (*al-Anbiya'*, 21: 78-79). Orang-orang yang menggunakan akal fikiran mereka untuk mencari kebenaran disebutkan oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran sebagai *qaum ya'qilun*, *qaum yatafakkarun*, *qaum yafqahun*, *ulul ilmi* (orang berilmu), *ulul albab* (orang yang berfikiran) dan *ulul absar* (orang yang mempunyai pandangan).

Sebagai contoh dalam ayat al-Quran berikut, Allah SWT telah mengajak manusia untuk berfikir berkaitan makhluk ciptaan Allah.

أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ ﴿٧٧﴾ وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ ﴿٧٨﴾ وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ ﴿٧٩﴾ وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ ﴿٨٠﴾

Maksudnya:

(Mengapa mereka yang kafir masih mengingkari akhirat) tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan? Dan keadaan langit bagaimana ia ditinggikan binaannya? Dan keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan?

(*al-Ghasyiyah*, 88: 17-20)

Ayat ini telah berupaya menggerakkan minda umat Islam untuk berfikir berkaitan persoalan yang ditimbulkan oleh Allah iaitu bagaimana unta dijadikan, bagaimana langit ditinggikan, bagaimana gunung ditegakkan dan bagaimana bumi dihamparkan? Apabila digunakan akal untuk mencari jawapan di sebalik empat objek ciptaan Allah ini, ayat ini sebenarnya membawa satu mesej pendidikan yang sangat penting iaitu arahan untuk mempelajari ilmu sains. Buktinya unta itu sebagai simbol kepada sains biologi, langit sebagai simbol kepada sains astronomi, bumi sebagai simbol sains geologi dan bukit sebagai simbol sains tabii (Mohd Yusuf, 2004). Inilah sebenarnya kemahiran berfikir yang ingin diterapkan oleh Allah kepada umat Islam melalui kalam suci al-Quran dalam proses belajar dan menuntut ilmu.

Hal ini menampakkan bahawa kemahiran yang diperlukan oleh pelajar pada abad ke-21 seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif bukanlah sesuatu yang baru. Hal ini kerana kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif amat penting dalam mewujudkan pengajaran inovasi untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Keupayaan guru dalam mempelbagaikan strategi pengajaran dengan memperkenalkan inovasi dalam bahan pengajaran dan kaedah akan membantu pelajar memberi tumpuan dan memahami konsep pelajaran itu (Aminuddin, Haziah & Sharifah Zarina, 2019). Sebagai contohnya, kemahiran berfikir kritis dan penyelesaian masalah adalah merupakan komponen kemajuan manusia sepanjang lipatan sejarah kehidupan manusia bermula dari penciptaan Nabi Adam A.S sebagai khalifah untuk meneruskan kelangsungan kehidupan di dunia sehinggalah kepada kemajuan pertanian, penciptaan vaksin dan ubat-ubatan, perindustrian, penerokaan khazanah alam semula jadi dan sebagainya. Malah kemahiran ini juga dapat dilihat daripada sirah anak-anak Nabi Adam ketika menyelesaikan masalah pengebumian jenazah Habil yang dibunuh oleh Qabil melalui perutusan seekor gagak oleh Allah yang menunjuk cara pengebumian manusia pertama di dunia (*al-Maidah*, 5: 27-32). Inilah antara contoh praktikal kemahiran berfikir dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Selain itu juga kemahiran berfikir secara kritis juga banyak digunakan oleh Allah SWT untuk mendidik manusia dengan cara menggunakan kepelbagaian pendekatan seperti menganalisis sesuatu maklumat untuk menyelesaikan sesuatu masalah (*al-Qiyamah*, 75:1-4), menyoal untuk mendapatkan maklumat yang benar (*al-Baqarah*, 2: 189, 215, 217, 219, 220, 222; *al-Anfal*, 8: 1; *al-Ghasyiah*, 88: 17-20), menganalisis sesuatu peristiwa untuk mendapatkan bukti (*al-Baqarah*,

2: 259; *Yusuf*, 12: 25-29), menilai maklumat untuk mendapatkan info bermanfaat (*al-Baqarah*, 2: 164; *al-Mukminun*, 23: 70), memikir secara refleksi sesuatu kejadian untuk mengambil iktibar (*al-Baqarah*, 2: 50; *Ali Imran*, 3: 13; *al-Nur*, 24: 44; *Yusuf*, 12: 44; *al-Haqqah*, 69: 4-12), berhujah untuk menegakkan kebenaran (*al-Baqarah*, 2: 258; *al-Naml*, 27: 22), menjangkakan ganjaran untuk dijadikan sumber inspirasi (*al-Baqarah*, 2: 25; *al-Bayyinah*, 98:7-8) serta mendorong manusia berfikir untuk menyelesaikan sesuatu masalah (*al-Qiyamah*, 75: 1-4). Menerusi analisis kandungan al-Quran, didapati Allah telah menggunakan pelbagai *uslub* seperti analogi dan metafora bagi menjelaskan beberapa perkara penting untuk tujuan pendidikan umat Islam menerusi kemahiran berfikir.

Sebagai contoh dalam menerapkan sifat baik hati orang-orang yang beriman sebagai pemberi sedekah yang ikhlas, Allah telah memperingati mereka supaya tidak menyakiti hati penerima sedekah kerana ia dapat menghilangkan pahala sedekah (*al-Baqarah*, 2: 264). Golongan ini disamakan seperti golongan yang menafkahkan hartanya kepada manusia dalam keadaan riyak dan diumpamakan golongan tersebut seperti batu licin yang diselaputi oleh tanah lalu ditimpakan hujan lebat, maka jadilah ia batu yang bersih. Perumpamaan ini diketengahkan oleh Allah supaya manusia berfikir akan kesan daripada perlakuan sia-sia mereka di dunia akibat daripada amalan yang dilakukan tidak ikhlas kerana Allah SWT.

Justeru, pembudayaan pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar adalah penting bagi melahirkan modal insan yang produktif, mempunyai daya cipta yang tinggi, kompeten serta berkebolehan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja negara di alaf abad 21. Oleh demikian, pembudayaan pemikiran pelajar hendaklah bermula di peringkat sekolah lagi melalui pembelajaran yang berasaskan kemahiran abad ke-21. Dapatan kajian terdahulu telah membuktikan bahawa PAK21 telah berjaya meningkatkan sikap positif dan motivasi pelajar di samping peningkatan dalam pencapaian murid di sekolah (Ainun Rahmah et al., 2017; Lay, A. & Kamisah, 2017).

### **Kemahiran Nilai dan Etika**

Kemahiran nilai dan etika merupakan antara tujuan utama pendidikan menurut Islam kerana matlamatnya adalah untuk membentuk akhlak mulia dan membangun manusia supaya mampu melaksanakan tanggungjawab yang paling penting iaitu melaksanakan tugas khalifah Allah di bumi menurut syariat Ilahi. Akhlak mengungkapkan satu manifestasi hidup yang luas merangkumi hubungan manusia dengan Allah, manusia sesama manusia dan manusia dengan semua makhluk Allah yang lain di dunia ini. Oleh sebab itulah kemahiran nilai dan etika berkait rapat dengan nilai akhlak yang perlu ada dalam diri setiap individu merangkumi suatu sikap dan sifat yang baik untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Ibn Miskawaih (1398H) menyatakan akhlak adalah satu perbuatan manusia yang di lakukan dengan mudah tanpa perlu menggunakan akal dan pemikiran kerana ianya telah tertanam di dalam jiwa. Oleh yang demikian, ternyata akhlak merupakan nilai terpenting yang perlu diterapkan dalam pembelajaran khususnya melalui mata pelajaran Pendidikan Islam. Apatah lagi di zaman cabaran Revolusi 4.0 yang dikatakan akan lahirnya generasi yang bersifat individualistik dan tidak mempunyai sikap belas-kasihan (Kamarul Shukri, 2018) serta terhakisnya nilai dan etika kemanusiaan hasil daripada keghairahan kepada dunia teknologi dan kepesatan maklumat yang berada di hujung jari tanpa penilaian kerohanian.

Rentetan daripada itu, menjadi satu cabaran besar kepada para pendidik amnya dan para penggubal kurikulum khususnya membina satu rangka tindakan pendidikan yang memberi fokus kepada nilai dan etika, terutamanya apabila berada di zaman ledakan ilmu dan kebanjiran maklumat. Generasi abad ke-21 inilah yang disifatkan oleh Ziauddin Sardar sebagai *one generation future* yang akan membesar dan menjadi matang dalam membuat keputusan,

memberi pandangan yang bernas dan membuat pertimbangan yang tepat (Wan Mohd Zahid, 1994). Oleh kerana itulah lipatan sejarah perlu disoroti kembali untuk diambil iktibar sebagai mana yang dijelaskan oleh Allah SWT di dalam al-Quran berkaitan krisis keruntuhan nilai dan akhlak umat-umat terdahulu yang menjadi penyebab kepada kemusnahan mereka di muka bumi.

Sebagai contoh umat Nabi Lut yang zalim telah diterbalikkan buminya dan dihujani dengan batubatuan dari tanah terbakar secara bertubi-tubi (*al-Syu'ara*, 26: 160; *al-Naml*, 27: 54; *al-Hijr*, 15: 60; *Hud*, 11: 81-83; *al-Furqan*, 25: 38-40; *Qaf*, 50: 12-14), kaum Nabi Nuh yang suka mendustakan dan memperolok-olokkan nabi sehingga didatangkan banjir besar yang menenggelamkan (*al-Ankabut*, 29: 14), kaum Nabi Hud yang menganiayai diri mereka sendiri sehingga dibinasakan dengan angin yang dahsyat, bunyi guruh yang menggelegar dan akhirnya musnah dalam timbunan pasir (*al-Taubat*, 9:70; *al-Qamar*, 54: 18; *Fushilat*, 41: 13; *al-Najm*, 53:50; *Qaf*, 50:13), kaum Nabi Soleh yang telah membunuh unta betina Allah sehingga ditimpa azab yang mengerikan (*al-Hijr*, 15:80; *Hud*, 11:68; *Qaf*, 50: 12) dan kaum Nabi Syu'aib yang suka melakukan penipuan dan kecurangan dalam urusan jual beli sehingga diazab mereka dengan udara panas yang bersangat hinggalah binasa (*al-Taubah*, 9; 70; *al-Hijr*, 15:78; *al-Haj*, 22:44). Kisah-kisah ini diutarakan oleh Allah S.W.T untuk diambil pengajaran agar dijauhi akhlak buruk yang telah diamalkan oleh umat-umat terdahulu. Selain itu, contoh nilai buruk yang lain juga dinyatakan oleh Allah S.W.T sebagai benteng untuk dijauhi seperti ujub (*Al-Hadid*, 57: 20; *Al-Ra'd*, 13: 5; *Al-Nisa'*, 4: 47) iaitu rasa hairan dan megah dengan keupayaan diri sendiri terhadap sesuatu perkara, bangga diri (*al-Baqarah*, 2:74; *Al-A'Arif*, 7: 40) iaitu sifat angkuh dan sombong yang ada di dalam hati seseorang manusia dan hasad (*Al-Falaq*, 113: 5; *Al-Nisa'*, 4: 54; *Taha*, 20: 131) iaitu rasa cemburu yang mendalam terhadap orang lain yang boleh menyebabkan permusuhan.

Di samping itu, Al-Quran juga telah mengemukakan pelbagai pendekatan untuk menerapkan kemahiran nilai dan etika dengan menyenaraikan sifat-sifat mahmudah untuk dicontohi selari dengan perutusan Rasulullah SAW sebagai insan paling hebat akhlaknya (*al-Qalam*, 68: 4). Di dapati dalam al-Quran, antara pendekatan yang digunakan oleh Allah S.W.T dalam mendidik manusia berakhlak dengan nilai dan etika yang baik ialah menerusi kaedah bercerita, berdialog, memujuk, mengemukakan peribahasa dan mendatangkan contoh yang baik untuk diteladani (Mohammed, 2017). Pendekatan-pendekatan ini dibawakan oleh Allah menerusi al-Quran sebagai kitab rujukan primer umat Islam. Beberapa contoh nilai baik yang lain juga dinyatakan oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran untuk dicontohi ialah seperti menepati janji (*al-Baqarah*, 2: 177; *Al-Isra'*, 17: 34; *Al-Ma'arij*, 70: 32; *Al-Mukminun*, 23: 8), bersungguh-sungguh iaitu tekun dalam melaksanakan sesuatu urusan dunia mahupun akhirat (*Al-Insyirah*, 94: 7-8) istiqamah (*Hud*, 11: 112; *Yunus*, 10: 89; *Al-Rum*, 30: 43; *Fussilat*, 41: 6).

Apa yang menarik, al-Ghazali (1999) dalam penulisan beliau telah menggariskan beberapa kaedah untuk membangunkan akhlak pelajar antaranya ialah membentuk akhlak yang baik, menyingkirkan akhlak yang buruk dan merawat akhlak yang bermasalah. Fokus pembangunan akhlak yang baik, penyingkiran akhlak yang buruk dan pemulihan rawatan akhlak telah dikemukakan oleh Allah di dalam al-Quran. Dalam konteks pembelajaran formal, peranan ini perlu dimainkan oleh guru sebagai salah satu medium pembentukan akhlak pelajar selain daripada keluarga, persekitaran sekolah, syariat Islam dan ibadat di dalam Islam. Kesannya, akhlak dikatakan bersifat responsif kepada pendidikan, latihan, nasihat, undang-undang dan disiplin (Fathiyah, 2012). Pernyataan ini memberikan satu kesimpulan yang signifikan, iaitu akhlak yang baik tidak semestinya diwarisi tetapi ia boleh dipelajari, dilatih dan dibangunkan. Sebagaimana model pendidikan akhlak yang telah dibangunkan oleh Rasulullah SAW setelah dididik oleh Allah SWT menerusi kitab suci al-Quran sehingga diiktiraf oleh Allah SWT sebagai

pendidik terulung yang menjadi contoh ikutan yang baik untuk semua umat manusia (*al-Ahzab*, 33: 21).

Sebagai bukti di dalam lipatan sejarah Islam, seorang sahabat pernah bertanya Rasulullah S.A.W berkaitan ciri-ciri akhlak mulia ketika mereka sedang berada di dalam halakah menuntut ilmu di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam di Makah. Rasulullah S.A.W telah membacakan ayat 23-38 Surah al-Isra' sebagai menjawab persoalan tersebut yang telah menyenaraikan antara sifat-sifat terpuji yang diiktiraf oleh Allah SWT sebagai akhlak yang baik ialah:

- i. Tidak menyekutukan Allah
- ii. Berbuat baik dengan ibu bapa terutama menjelang usia emas mereka
- iii. Bersifat berani dan sanggup menunaikan tanggungjawab dengan ikhlas dan jujur
- iv. Menolong kaum kerabat yang susah, orang-orang miskin dan ibnu sabil
- v. Tidak membazir harta benda
- vi. Bertanggungjawab terhadap anak isteri dan tidak membunuh keturunan kerana alasan kemiskinan
- vii. Tidak melakukan perbuatan keji seperti berzina dan seumpamanya
- viii. Tidak suka membuat sengketa dan tidak membunuh orang yang tidak berdosa
- ix. Tidak mencari keuntungan secara haram
- x. Tidak berkata atau berbuat sesuatu yang tidak diketahui
- xi. Tidak sombong dan besar diri serta sentiasa merendah diri.

Akhlak-akhlak yang disenaraikan oleh Allah ini merupakan akhlak mulia hasil daripada kekuatan keimanan dan ketekunan ibadat yang dapat melayakkan seseorang mendiami syurga Allah seperti yang dinyatakan di dalam sebuah hadis yang bermaksud:

Sifat yang paling banyak memasukkan manusia ke syurga ialah takwa dan akhlak yang mulia.

Justeru, dalam menjayakan misi pendidikan di abad ke-21 ini, gabungan pelbagai kemahiran terkini perlu diselarikan dengan kemahiran nilai dan etika agar kejayaan yang bermakna dapat dihasilkan dengan sebaiknya.

## **Kesimpulan**

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa kemahiran-kemahiran abad ke-21 yang diketengahkan oleh para sarjana pendidikan Barat sebenarnya telah dipelopori oleh Rasulullah S.A.W sejak lebih 1400 tahun yang lepas menerusi kitab suci al-Quran. Namun sehingga kini segelintir umat Islam seolah-olah dikaburi dengan pemikiran pasca moden yang mengagungkan segala-gala yang dari Barat tanpa mengkaji kehebatan kitab teragung ini iaitu al-Quran yang diturunkan khusus sebagai panduan pendidikan utama umat Islam. Apabila wujudnya budaya berkiblatkan Barat dalam pendidikan, maka impaknya akan menghasilkan konsep pendidikan yang terpisah nilai dan etika kemanusiaan kerana kejayaan dalam pembelajaran hanya diukur pada ukuran lahiriah semata-mata seperti kejayaan, kecekapan dan kehebatan pada pandangan masyarakat. Namun pendidikan dalam Islam adalah berpaksikan tauhid kepada Allah dan bersifat menyeluruh serta merupakan alat untuk mendapat kejayaan hidup di dunia dan di akhirat dengan berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Oleh kerana itulah al-Quran telah diiktiraf sebagai manual pendidikan yang istimewa daripada Allah S.W.T kepada umat manusia seluruhnya.

## Rujukan

- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. <https://doi.org/10.1016/j.jvolgeores.2008.07.026>
- al-Ghazali, A. H. (1999). *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Fajr li al-Turath.
- Aminuddin Mohamed, Haziah Sa'ari, & Sharifah Zarina Syed Zakaria. (2019). Creativity and innovation as an indigenous pedagogy method. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 1(1).
- Chai, C. S., & Kong, S.-C. (2017). Professional learning for 21st century education. *Journal of Computers in Education*. <https://doi.org/10.1007/s40692-016-0069-y>
- Ellison, D. (2015). Communication skills. *Nursing Clinics of North America*. <https://doi.org/10.1016/j.cnur.2014.10.004>
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2012). *Peranan dan Cabaran Guru Dalam Pengajaran Pendidikan Islam (Pertama)*. Selangor Darul Ehsan: Universiti Putra Malaysia.
- Habibah @ Artini, R., Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Safar, & Norshahrul Marzuki Mohd Nor. (2016). Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI) Dalam. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 3(3), 85–109. Retrieved from <http://rmc.kuis.edu.my/jpi/wp-content/uploads/2016/09/HABIBAH-85-109-1.pdf>
- Hassan Langgulong. (1986). *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan* (Cetakan Pe). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Miskawaih. (n.d.). *Tahdzib Al-Akhlak*, . Beirut: Mansyurat Dar Maktobat Al Hayat.
- Imam Jalaluddin As-Sayuthi. (2008). *Asbab nuzul al-Quran* (Pertama). Kuala Lumpur: Darul Fajr.
- Irpan Kurniawan. (2011). *Etika pola komunikasi dalam al-Quran*. Universitas Islam Negeri (UIN) Jakarta.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2018). Pembestarian Wanita Islam Di Bawah Naungan Al-Quran: Singkapan & Harapan. In *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari 2018 International* (pp. 22–31).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam*. Putrajaya.
- Khairul Anuar A. Rahman. (2012). Disposisi Guru Berkesan : Personaliti dan Kemahiran Komunikasi. *Jurnal Sains Kemasyarakatan Dan Kemanusiaan*, 82(2), 37–44. Retrieved from [http://www.myjurnal.my/filebank/published\\_article/27224/4.pdf](http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/27224/4.pdf)
- Lay, A., & Kamisah Osman. (2017). Developing 21 st century skills through a Constructivist-Constructionist learning environment. *K-12 STEM Education*, 3(2), 205–216.
- Malcolm Shepherd Knowles. (1975). *Self-Directed Learning: A Guide For Learners and Teachers*. New York: NY: Association Press.
- Marope, P. T. M. (2014). Learning and competences for the 21st century. *PROSPECTS*, 44(4), 483–486. <https://doi.org/10.1007/s11125-014-9333-y>
- Mohammed A. M. Ataya. (2017). *أساليب القرآن الكريم في التربية الإسلامية الأخلاقية: منهاج التربية الإسلامية للمرحلة الثانوية في الضفة الغربية، فلسطين أنموذجاً*. Universiti Malaya.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2004). *Sejarah dan kaedah Pendidikan Al-Quran* (Ketiga). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Najwa Khasim, Azman Md Zain, & Hamzah, M. H. (2017). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2(6), 56–69.

- Nur Hanani Hussin, & Ab. Halim Tamuri. (2017). Faktor Perkembangan Pengetahuan Kandungan Pedagogi Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *The Online Journal Of Islamic Education*, 5(2), 20–28.
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). (2010). *Education at a glance 2010: OECD indicators*. Paris: OECD Paris.
- Partnership For 21st Century Skills. (2016). P21 Framework for 21st Century Learning. <https://doi.org/10.2307/3588214>
- Saadah Wok, Narimah Ismail, & Mohd Yusof Hussain. (2005). *Teori-teori komunikasi* (Ketiga). Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Scott, C. L. (2015). Education Research and Foresight Working Papers. *Unesco*, 1, 24–37.
- Syeikh Muhammad al-Ghazali. (1998). *Dialog Dengan al-Quran*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Van Roekel, D. (2014). *Preparing 21st Century Students for a Global Society: An Educator 's Guide to the "Four Cs."* National Education Association. <https://doi.org/10.1038/ismej.2016.48>
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. (1994). *Wawasan pendidikan: Agenda pengisian*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Publishing (M) Sdn. Bhd.